

BAB IV

SUMBANGAN WAKAF TANAH PRODUKTIF TERHADAP SOSIO EKONOMI UMAT ISLAM DI MEDAN

4. Pendahuluan

Bab ini menganalisis isi-isu penting tentang sumbangan wakaf terhadap pembasmian kemiskinan dan juga mengkaji hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif terhadap peningkatan taraf pendapatan, pendidikan dan kesihatan masyarakat di Bandar Medan Sumatera Utara. Kajian ini dibuktikan dengan hasil tinjauan dan analisis data yang dilaksanakan sesuai dengan tajuk kajian ini.

4.1 Melalui Sumbangan Wakaf Tanah Produktif Dapat Mengurangi Kemiskinan di Bandar Medan

Kemiskinan adalah keadaan ekonomi seseorang yang berkurangan keperluan asas yang penting dalam kehidupan berupa wang, makanan, air, pendidikan, kesihatan dan tempat tinggal. Antara indikator kemiskinan ialah seseorang itu buta huruf, tidak mendapat pendidikan ataupun tiada kemahiran. Menurut Said Siddiqui, formula Bank Dunia untuk mengurangkan kemiskinan dengan cara meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan bantuan secara langsung kepada golongan yang memerlukan telah terkandung didalam ajaran Islam sendiri berdasarkan pembiayaan Islam, zakat dan pinjaman tanpa riba atau *qard al-hasan*.¹ Ramai penduduk di Bandar Medan yang masih hidup dibawah garis kemiskinan, ianya adalah kerana proses pengagihan kekayaan dan pendapatan yang tidak adil.² Lingkar kemiskinan struktural sehingga usaha mengatasinya harus dilakukan secara sistematis dan komprehensif, bukan hanya bersifat sambil lalu dan tidak sungguh-

¹ Asmak Ab Rahman, *Jurnal Syari'ah*, 143.

² Departemen Agama RI, *Pedoman Pengelolaan dan Pengembangan Waqaf*, (2004),127

sungguh.³ Daripada pelbagai masalah yang ada, maka masalah kemiskinan dan pembahagian pendapatan merupakan masalah utama yang harus dicapai, termasuk kemunduran tingkat kemakmuran di negara yang sedang membangun, krisis yang menerpa perekonomian dunia yang berkaitan sistem ekonomi Kapitalisma pada masa sekarang ini telah memperburuk tingkat kemiskinan serta sistem pembahagian pendapatan di dalam perekonomian negara-negara yang ada, lebih-lebih lagi sistem ekonomi di Negara Islam.⁴ Kemiskinan merupakan masalah yang sangat serius dihadapi oleh Negara Indonesia dimana kebanyakan penduduk berada pada tahap kemiskinan. Hampir 40 % (peratusan) dari penduduk Indonesia hidup hanya sedikit diatas garis kemiskinan Nasional dan mempunyai pendapatan kurang dari US\$ 2 sehari. Pelbagai program untuk mengurangi kemiskinan telah dilaksanakan sam ada, oleh kerajaan mahupun organisasi diluar pemerintah (sektor swasta, badan bukan kerajaan, agensi penderma, dan lain-lain).⁵ Kemiskinan merupakan suatu masalah yang dihadapi oleh umat Islam secara menyeluruh di dunia ini, untuk mengatasi dan membranguskan kemiskinan dimasyarakat perlu diambil kira beberapa langkah yang kongkrit untuk mengatasi kemiskinan yang ada dikehidupan masyarakat, maka untuk itu institusi wakaf berperanan aktif dalam mengembangkan harta wakaf. Ini merupakan sebuah alternatif yang baik untuk kehidupan masyarakat miskin. Pada waktu ini masih terdapat 6,63 % (peratusan) penduduk miskin di Bandar Medan yang memerlukan program pembangunan khasnya dan berterusan untuk kekal daripada isu ini jika dikaitan dengan sasaran Rancangan

³ Asmak Ab Rahman, *Jurnal Syari'ah*, 127

⁴ Muhammad Yasir Nasution, "Konstruksi Fiqh Waqaf Berwawasan Ekonomi Syari'ah, Istislah, *Jurnal Hukum Islam, Ekonomi dan Kemasyarakatan*, Vol I no.2 (April-Jun 2002), 136

⁵ A.Syafii Maarif dkk, *Islam, Good Governance dan Pengentasan Kemiskinan, Kebijakan Pemerintah, Kiprah Kelompok Islam,dan Potret Gerakan Inisiatif diTingkat Lokal*, (Jakarta Maarif Institute for Culture and Humanity bekerjasama dengan The Asia Foundation 2007), 21

Pembangunan Jangka Menengah tahun 2006 dan tahun 2010. Seharusnya angka pengangguran yang tidak bekerja di Bandar Medan sudah berada dibawah 10% (peratus) dan angka kemiskinan dibawah 5% (peratus) tetapi hal ini tidak diberlakukan.⁶ Peratusan penduduk miskin pada tahun 2007 sebanyak 19.82% (412.984 jiwa) daripada jumlah penduduk di Bandar Medan. Jumlah ini merupakan jumlah yang sangat besar, jika dilihat angka-angka penduduk di kecamatan-kecamatan yang berlokasi disebelah utara Bandar Medan (Medan Belawan Medan Labuhan, Medan Barat dan Medan Deli) merupakan lokasi kemiskinan terbesar di Bandar Medan.

Rajah 2.1 Penyebaran Keluarga Miskin Kota Medan Tahun 2007

No	Kecamatan	Jumlah penduduk (Jiwa)	Jumlah Penduduk Miskin (KK)	Peratusan Jumlah Penduduk Miskin (%)
1	Medan Tuntungan	68.817	12.340	17.93
2	Medan Johor	114.143	23.394	20.49
3	Medan Amplas	113.099	14.885	13.16
4	Medan Denai	137.443	31.813	23.14
5	Medan Area	107.300	24.043	22.40
6	Medan Kota	82.783	18.940	22.88
7	Medan Maimun	56.821	10.325	18.17
8	Medan Polonia	52.472	11.044	21.05
9	Medan Baru	43.419	6.323	14.56
10	Medan Selayang	84.148	10.575	12.56
11	Medan Sunggal	108.688	15.492	14.25
12	Medan Helvatisa	142.777	10.432	7.30
13	Medan Petisah	66.896	18.674	27.91
14	Medan Barat	77.680	29.806	38.37
15	Medan Timur	111.839	20.991	18.77
16	Medan Perjuangan	103.809	16.653	16.04
17	Medan Tembung	139.256	20.729	14.88
18	Medan Deli	147.403	29.421	19.96
19	Medan Labuhan	105.015	32.175	30.64
20	Medan Marelan	124.369	15.827	12.72
21	Medan Belawan	94.979	39.102	41.17
Jumlah		2.083.156	412.984	19.82

Sumber : Badan Pusat Statistik Tahun 2008

⁶ Zulham Efendi Siregar, dikemas kini 31 Desember 2010, dicapai 20 Maret 2013, http://www.waspada.co.id/index.php?option=com_content&view=article&id=165515:2011-medan-lebih-cerah&catid=25:artikel&Itemid=44

Walaupun fenomena kemiskinan di Bandar Medan merupakan sifat multikompleks yang menyebabkannya, tetapi dapat diduga faktor struktural merupakan faktor utama yang menyebabkan usaha menurunkan tingkat tidak merata pendapatan sukar dilakukan. Faktor-faktor struktural tersebut bukan hanya yang berasal dari kerajaan daerah sahaja, juga berkaitan dengan polisi kerajaan provinsi dan kerajaan pusat.

Pertumbuhan ekonomi merupakan persyaratan utama *necessary condition* untuk mengurangi kemiskinan. Namun dengan hanya memacu pertumbuhan ekonomi sahaja bukanlah persyaratan yang cukup *sufficient condition* dapat mengatasi masalah kemiskinan karena memunculkan *trade off* terhadap pembahagian rata yang berimpak buruk. Pertumbuhan ekonomi kehilangan makna bagi golongan miskin apabila diikuti dengan meningkatnya ketidaksamarataan, atau dengan kata lain jika manfaat dari pertumbuhan tersebut lebih banyak mengarah pada golongan kaya dan keadaan golongan miskin tidak bertambah baik atau bahkan berimpak lebih buruk.⁷

Keseimbangan laju perekonomian merupakan modal untuk meningkatkan persaingan sihat sehingga institusi wakaf dapat memberikan *win-win solution* yang terbaik untuk mengatasi permasalahan yang ada dalam kehidupan masyarakat Islam.

Dilihat dari kondisi tersebut banyak tanah wakaf di Bandar Medan belum dimaksimalkan pemanfaatannya secara baik sehingga kurang maksimum dapat membantu merubah umat Islam terutama masa sebelum diterbitkan Undang-undang Nombor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok Agraria dan Peraturan Pemerintah Nombor 28 Tahun 1977 tentang Perwakafan Milik Tanah yang mengatur masalah tanah dan perwakafan secara baik dan bermanfaat. Umat Islam di Bandar

⁷ Universiti Sumatera Utara, Makalah dikemaskini 14 Maret 2012, dicapai 15 Maret 2013
<http://repository.usu.ac.id/bitstream/123456789/28086/4/Chapter%201.pdf>

Medan hanya bergantung kepada hukum-hukum yang telah diwahyukan oleh Allah SWT iaitu berfikiran bahawa harta wakaf adalah milik Allah SWT semata. Pada ammnya tanah-tanah wakaf diIndonesia banyak digunakan pada bidang pendidikan, tanah perkuburan, pembangunan masjid dan *musolla* atau surau.⁸

Pemanfaatan wakaf yang telah diwahyukan oleh Allah SWT dan selari dengan Undang-Undang Republik Indonesia memberikan kesan bahawa tanah wakaf dimanfaatkan kepada bidang pendidikan, tanah perkuburan, masjid dan *musolla* / surau sahaja, tetapi ada perubahan dan pola pemikiran baru bahawa tanah wakaf jauh lebih tinggi nilai harga ekonomisnya. Untuk di Bandar Medan, bidang pendidikan memberikan impak positif kepada masyarakat persekitaran sebagai contoh: Pendidikan Islam Kecamatan Medan Kota memberikan pendidikan percuma kepada anak-anak fakir miskin setiap tahun dan pembiayaan wang sekolah, dalam lingkungan sekolah diperbolehkan kepada masyarakat untuk berniaga / kantin di dalam wilayah sekolah tersebut.

Untuk tanah perkuburan di Bandar Medan ada beberapa orang yang mengurus tanah perkuburan yang dihunjuk oleh pihak institusi wakaf dan diberi kewenangan kepada pihak nazhir masjid, biasanya tanah wakaf berdampingan dengan masjid, bagi para nazir beserta pengurusi tanah wakaf mereka menunjuk para pekerja untuk melakukan urusan tanah perkuburan, selanjutnya mereka akan berurusan dengan ahli waris apabila wafat /meninggal dunia seseorang maka ahli warisnya yang mengurus pembiayaan kepada pekerja mahupun penjaga kuburan. Disini jelas bahawa tanah wakaf boleh mendatangkan nilai ekonom dan menghasilkan wang.

Pada masanya pemanfaatan tanah mulai berkembang akan menjadi kusut dalam pelbagai kes yang muncul, jika beberapa kepentingan berada dalam posisi

⁸ Departemen Agama RI, *Klasifikasi Pemanfaatan tanah wakaf Se-Sumatera Utara dan Kalimantan*, 46

yang bertolak belakang, maka biasanya kepentingan pihak yang lebih kuatlah yang menang, dalam hal ini pemerintah atau pengusaha/ peneraju besar. Sementara rakyat kecil mengalami kekalahan akibat daripada meanggung kerugian. Muncullah pada masa-masa mendatang, banyak keluhan dan ketidakpuasan dari kelompok-kelompok masyarakat, yang menyedari betapa pentingnya permasalahan tanah di Indonesia, maka usaha untuk membuat undang-undang berkenaan dengan kepemilikan tanah juga menjadi penting.⁹

Wakaf merupakan salah satu institusi sosio-ekonomi Islam yang berhubungan erat sekali dengan tahap kesejahteraan umat. Pelaksanaan dan pengurusan harus diatur dengan peraturan dan perundang -undangan yang sebenarnya.¹⁰

Dalam pengurusan wakaf sudah terlihat dasar-dasar hukum pelaksanaannya sehingga tujuan pengurusan wakaf dapat memberikan impak positif terhadap masyarakat miskin. Untuk membasmi kemiskinan dan mensejahterakan umat yang terkandung dalam Islam seperti Institusi Zakat, Wakaf, Infak dan Sadaqah perlu dijalankan. Wakaf umpamanya, merupakan sumber kewangan yang penting dan begitu besar sekali manfaatnya bagi kepentingan agama dan umat (khususnya umat Islam).

Pelbagai usaha untuk mencapai objektif keadilan sosial melalui institusi wakaf sama ada pada tingkat yang paling sederhana seperti memenuhi keperluan asas kehidupan, mahupun usaha lain seperti memperbaiki tahap kehidupan masyarakat miskin, peningkatan penyertaan orang ramai dan pembuatan polisi yang memihak kepada golongan yang lemah. Perubahan kehidupan masyarakat harusnya boleh dikelola secara baik dengan menjamin kualiti kehidupan yang dapat mewujudkan

⁹ Departemen Agama RI, *Proyek Peningkatan Pemberdayaan Wakaf* (Jakarta : Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggaraan Haji, Strategi Pengamanan Tanah Wakaf, 2004), 52-53.

¹⁰ Uswatun Hasanah, dkk, *Hukum Islam Zakat dan Waqaf Teori dan Praktiknya diIndonesia*, (Jakarta: Papas Sinar Sinanti dan Badan Fakultas Hukum Universiti Indonesia 2005), 2:135.

martabat kemanusian melalui pemanfaatan harta wakaf secara maksimum. Di antara permasalahan yang terpenting adalah rawatan, kesihatan, pelestarian, pengurusan, pemanfaatan dan pengaturan yang baik, adil untuk memenuhi keperluan hidup orang banyak yang lengkap, pada amnya disebut kemakmuran, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam jangka pendek dan jangka panjang kehidupan manusia. Untuk menjamin kepuasan, kesejahteraan zahir dan batin manusia dalam batas-batas pengendalian moral (iman dan taqwa)¹¹

Potensi wakaf dikelola dengan baik yang berdasarkan asas-asas profesional, maka memberi impak besar dalam kehidupan masyarakat Islam. Beban persoalan yang dihadapi sekarang ini, kerana krisis ekonomi dapat terpecahkan secara mendasar dan menyeluruh melalui sistem pengumpulan, pengurusan dan memajukan harta wakaf dalam ruang lingkup nasional.¹²

Kefahaman masyarakat di Bandar Medan terlihat sangat tidak cerdik kerana tingginya sikap jujur dan saling percaya antara satu dengan yang lain dimasa awal, amalan pelaksanaan wakaf semacam ini, pada paruh perjalanannya harus diakui memunculkan persoalan mengenai keabsahan tentang harta wakaf yang berujung pada timbulnya perselisihan pendapat kerana tiada bukti-bukti yang mampu menunjukkan bahawa benda-benda tersebut telah diwakafkan. Kewujudan perwakafan tanah pada masa itu dapat diteliti berdasarkan bukti-bukti catatan di Kantor Urusan Agama (KUA) di Kabupaten, Kecamatan, bukti Arkeologi, *candra sengkala*, sijil perwakafan cerita tertulis mahupun lisan.¹³

Justeru kerana itu bahawa tanah wakaf sangat bersesuai jika diurus secara terbuka dan produktif kepada hal-hal yang tidak bertentangan dengan unsur-unsur

¹¹ *Ibid*

¹² Achmad Djunaidi, *Menuju Era Wakaf Produktif, Sebuah Upaya Progresif Untuk Kesejahteraan Umat*, 2005), 12

¹³ *Ibid*

kemungkaran dalam pandangan agama Islam, dalam bentuk pengurusan tanah wakaf tersebut. Demikian memberikan hasil yang baik bagi masyarakat atau penduduk di Bandar Medan. Kehidupan bersosial dikalangan masyarakat medan memberikan impak positif kehidupan masyarakat lainnya. Sikap membantu masyarakat miskin *orang papah* merupakan ikon Islam. Kerana itu masyarakat yang memiliki harta yang berkecukupan dan lebih dalam kalangan kaum Muslim digalakkan untuk dapat meringankan beban kehidupan kaum dhuafa dengan menyumbangkan hartanya berupa Zakat, Infak, Sedekah dan Wakaf yang akan dikelola oleh pihak nazhir dan akan disumbangkan kepada orang-orang miskin yang memerlukan. Seterusnya untuk memajukan hasil harta wakaf, yang merupakan salahsatu sebagai alat untuk meringankan beban masyarakat dari golongan miskin, berterusan pengembangan hasil harta wakaf tersebut dapat membasmi kemiskinan secara merata. Jaminan sosial boleh dibuat dalam bentuk saraan hidup, pemberian modal, pembangunan dan pembinaan prasarana yang memberikan dorongan kepada mereka untuk berusaha kearah peningkatan ekonomi yang lebih sempurna.¹⁴

Dari hasil Interview dengan Bapa Panigoran Siregar telah menjelaskan tentang pemanfaatan tanah wakaf produktif : Bahawa pemberian hasil pengelolaan tanah wakaf produktif senantiasa selari dengan pemberian sumbangan kepada masyarakat yang memerlukannya adapun pemberian sumbangan yang sering dilakukan berupa bantuan langsung iaitu wang dan pakej makanan sebesar 1,000 pakej dalam masa tiga bulan dan juga bantuan kewangan sebesar Rp. 100,000,- sampai Rp. 200,000 (RM. 30,00 – RM 60,00) untuk keperluan anak sekolah Darjah, Menengah dan Darjah Atas (SMP/ Madrasah dan SMU/ Aliyah) dan fakir miskin

¹⁴ Razali Othman, ‘Endwoment: Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu Al-Qur’an” (Serdang 1-2 September 2004) h. 15

diBandar Medan.¹⁵ Selari juga dengan Pimpinan Badan Amil Zakat Infak dan Sadaqah Bapa Maratua Simanjuntak memberikan tanggapan positif terhadap pemanfaatan tanah wakaf produktif beliau menjelaskan bahawa institusi yang dipimpinnya merupakan institusi yang mengembangkan dana abadi umat untuk keperluan, pendidikan, kesihatan bagi orang kurang upaya. Yang mana bantuan secara bergilir dan berterusan pihak-pihak yang menerima bantuan dari pemanfaatan tanah wakaf tersebut seumpama biasiswa untuk mahasiswa yang diberikan setiap tahun sebesar Rp. 600,000 sekitar RM. 250.00¹⁶

Pemanfaatan Wakaf Tanah Produktif diBandar Medan sangat membrangsangkan, Dalam kajian Sumbangan Wakaf Tanah Produktif Terhadap Peningkatan Sosio-Ekonomi Masyarakat Islam di Medan, Sumatera Utara, yang telah dilakukan kajian secara baik dengan menggunakan metod lapangan *method research* telah menunjukkan bahawa pemanfaatan tanah wakaf produktif selari apa yang kita harapkan secara bersama-sama untuk kesejahteraan umat.

Kajian ini dilakukan dengan pengedaran borang soal selidik yang diberikan kepada responden sebanyak 200 responden yang mewakili 3 Kecamatan yaitu: Kecamatan Medan Area, Kecamatan Medan Kota dan Kecamatan Medan Polonia (*Kecamatan ertinya bandar kecil*) yang menjadi populasi tempat penyelidikan yang dilaksanakan pada tarikh 11 April 2011, untuk penyebaran sebanyak 200 borang soal selidik yang telah disebarluaskan. Selepas itu dilakukan meminta kembali borang soal selidik kepada responden. Adapun borang soal selidik yang dikembalikan oleh para responden sebanyak 135 borang soal selidik yang dapat diterima kembali

¹⁵ Bapa H. Panigoran Siregar, S.Pd, MM, (Kabid Haji, Zakat Sedaqah, Infak Dan Wakaf Bandar Medan) dalam temubual dengan penulis 20 April 2011

¹⁶ Bapa Dr. H. Maratua Simanjuntak (Pengetua Badan Amil Zakat Infak dan Sadaqah Sumatera Utara) dalam temubual dengan Penulis 22 April 2011

adapun bentuk yang dapat digambarkan bahawa penyelidikan ini merupakan gambaran dari 135 orang responden yang terlibat dalam pengisian borang soal selidik yang telah disebarluaskan. Dengan pengembalian borang soal selidik, penyelidikan lapangan dilakukan dengan menganalisis terhadap borang soal selidik yang telah dikembalikan oleh responden.

4.2 Usaha dan Pemanfaatan Tanah Wakaf Produktif Terhadap Peningkatan Pendapatan Ekonomi Umat

Wakaf berperanan juga menggerakkan kegiatan ekonomi masyarakat melalui penyediaan pusat premis perniagaan. Dengan adanya pusat premis yang dibangunkan dari hasil dana wakaf atau di atas tanah wakaf, ia menambah potensi untuk melakukan aktiviti ekonomi dalam kalangan masyarakat.¹⁷ Pembangunan premis perniagaan seperti yang telah dijelaskan di atas tanah wakaf oleh para perniagaan untuk melakukan aktiviti berdagang sebagaimana yang dilakukan oleh Lalita Pulungan, SH yang memerlukan beberapa orang pekerja untuk menjalankan usahanya berupa kedai pakaian serta memberikan upah kepada para pekerja serta membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat sehingga meringankan beban kehidupan mereka.¹⁸

Wakaf berfungsi sebagai ibadah sosial, yakni sebagai satu sikap bertanggungjawab terhadap sesama makhluk ciptaan Allah. Fungsi wakaf dalam bidang sosial merupakan aset yang sangat bererti dalam pembangunan umat pada umumnya. Penggunaan atau pemanfaatan harta wakaf sangat besar ertiinya dalam menyokong pelaksanaan pelbagai kegiatan atau keperluan untuk masyarakat seperti

¹⁷ Asmak Ab Rahman, *Jurnal Syari'ah*, 139

¹⁸ Lailita Pulungan, SH di Madras Hulu (Pemilik Bangunan) dalam temubual dengan penulis 21 April 2013.

pendidikan, hospital, rumah anak yatim, dan pelbagai bidang perekonomian seperti, perternakan, pertanian, industri dan sebagainya.¹⁹

Hasil dari pemanfaatan tanah wakaf produktif ditujukan kepada keperluan masyarakat umum terutama kepada anak-anak fakir miskin mereka diberikan beasiswa untuk pendidikan mereka dan melanjutkan study yang lebih baik, pemberian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat yang kurang mampu untuk mendapatkan khidmat hospital, penyantunan anak yatim piatu yang terdapat di rumah panti asuhan anak-anak yatim dan pembinaan kepada anak –anak yatim piatu yang berada dibandar Medan. Begitu juga peningkatan perekonomian masyarakat pemberian modal usaha, memberikan subsidi bibit pertanian dan baja /pupuk serta merta memperdayakan usaha rumah tangga dalam industri kraftangan kaum ibu-ibu.

Justeru kerana itu ada beberapa percanggahan pemikiran khasnya dalam bidang fiqh terasa sekali dalam menyekat pengembangan wakaf. Beberapa contoh material wakaf di masyarakat sebagai percanggahan dari pemikiran ini seperti : tanah perkuburan, kebun, masjid dan sekolah yang sifatnya lebih banyak mengarah kepada habis pakai daripada produktif. Impak yang paling terasa saat ini muncullah pengabaian untuk mencari lokasi –lokasi lain yang strategik sehingga satu liang kubur dapat diisi oleh beberapa jenazah. Kehadiran wakaf produktif ditengah-tengah masyarakat harus difikirkan dengan baik agar manfaatnya dapat dirasakan secara langsung oleh masyarakat dan bersifat berterusan. Masyarakat yang dimaksud disini tidak hanya semata mereka-mereka yang hidup pada masa tertentu akan tetapi generasi-generasi berikutnya adalah merupakan komponen dari masyarakat itu

¹⁹ Zainurni Zein & Faridah, Pemanfaatan Tanah Wakaf diBandar Padang dikemas kini 14 Maret 2012, dicapai 10 Maret 2013, <http://isjd.pdii.lipi.go.id/admin/jurnal/81074253.pdf>

sendiri. Justeru itu menjadikan wakaf produktif adalah merupakan keharusan yang perlu untuk diperhatikan.²⁰

Pengelolaan wakaf tanah produktif seharusnya dilakukan secara profesional agar kewujudannya dapat diwujudkan ditengah-tengah masyarakat. Pengurusan wakaf berterusan dan dikelola dengan baik maka hasil daripada wakaf dapat menambah jumlah wakaf dalam bentuk-bentuk yang lain sehingga kewujudannya dapat dirasakan oleh generasi-generasi berikutnya juga menambah jenis-jenis wakaf baru. Wakaf yang diberikan kepada suatu masyarakat apabila tidak dikelola dengan baik maka dipastikan bahawa manfaatnya akan mengalami kemunduran, bahkan tidak mustahil harta wakaf dimaksud akan mengalami kerosakan. Hal ini disebabkan bahawa wakaf sudah tidak sanggup lagi memenuhi jumlah mayarakat yang terus menerus berkembang sehingga harta wakaf mengalami pengurangan.²¹

Untuk tidak terkikisnya harta wakaf perlu dilakukan pengelolaan terpadu terhadap tanah wakaf tersebut sehingga tanah wakaf akan berdaya guna pada masa-masa mendatang.

Dapat ditinjau daripada pelaksanaan pemanfaatan tanah wakaf menjadi produktif sangat kecil sekali, oleh kerana itu pemanfaatan tanah terus-menurus mengalami perubahan sehingga tanah-tanah wakaf yang berada di Sumatera Utara khas kota Medan akan melakukan terobosan dan idea-idea positif untuk mengembangkan serta memanfaatkannya untuk kesejahteraan masyarakat Islam diBandar Medan. Menurut Bapa Drs. H. Abdul Rahim, M.Hum di ruang pejabatnya pada tarikh 17 April 2011 memberikan keterangan bahawa pemanfaatan hasil dari tanah wakaf akan di diberikan kepada masyarakat yang memiliki usaha iaitu

²⁰ Achyar Zein, "Mengelola Wakaf Produktif Antara Peluang dan Hambatan, (Seminar Waqaf Banbinrohis Sumatera Utara Asrama Haji Medan, 2007), 8

²¹ *Ibid*

memiliki kedai runcit, pedagang keliling dan kepada Ibu-ibu yang bergerak dalam bidang usaha rumah tangga, mekanisma pemberian diatur oleh Jabatan Haji, Zakat dan Wakaf Kementerian Bandar Medan. Justeru kerana itu pengembangan dan pemanfaatan tanah wakaf pada masa sekarang ini tidak hanya sebatas pada pemanfaatan yang berbentuk pembangunan fizik sahaja, akan tetapi lebih terpaut kepada pemanfaatan berkesinambungan sehingga masyarakat secara nyata dapat mengambil manfaat dari tanah wakaf tersebut. Tanah wakaf dilaburkan kepada bentuk-bentuk pada perniagaan dan memerlukan beberapa orang pekerja untuk menjalankan usaha –usaha tersebut, maka hal yang demikian perlu adanya penguatkuasaan terhadap upah setiap pekerja.

Persoalannya adalah bagaimana agar mekanisma dan pengembangannya tidak menjadikan harta wakaf menjadi habis. Menjadikan hasil dari aset wakaf sebagai sumber modal usaha, dengan mekanisme pembiayaan tanpa cagaran, tanpa keuntungan kecuali biaya pentadbiran pengurusan merupakan solusi bagi pengembangan ekonomi umat ditengah kurangnya sumber modal. Pengurusan tanah wakaf produktif dengan melakukannya seperti pembelian tanah yang bernilai tinggi, atau dilaburkan kedalam perniagaan seperti kedai emas merupakan alternatif positif untuk pengembangan tanah wakaf produktif.²²

4.3. Profil Peribadi Responden

Profil responden yang akan dijelaskan dalam kajian ini terdiri daripada jantina, umur, status, tanggungan, pendidikan, pendapatan. Dari segi jantina seramai 135 orang adalah lelaki 90 (66,7 %) berbanding 45 orang (33,3 %) perempuan.

²² Winoto Soekarno, Pengembangan Wakaf sebagai Sumber Usaha, dikemaskini 14 Maret 2012 dicapai 10 Maret 2013, <http://p3m.amikom.ac.id/p3m>,

Untuk lebih lanjut penyelidikan ini memberikan gambaran responden berdasarkan jantina tersebut adalah sebagaimana tergambar dalam jadual berikut ini:

**Jadual 1
Jantina Responden**

	Frekuensi	Peratusan (%)
Laki-Laki	90	66,7
Perempuan	45	33,3
Total	135	100

Sumber: Soal selidik 2011

Sedangkan dari aspek umur, sebahagian besar responden berada pada tahap umur di atas 50 tahun dan terendah berada pada tahap sampai dengan 20 tahun iaitu sebanyak 3 orang. Pemilihan responden dalam katagori umur 50 tahun keatas menjelaskan bahawa penerimaan hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif diberikan kepada, OKU, orang kurang upaya. Jadi target yang hendak dicapai pemanfaatan harta wakaf diberikan kepada mereka-mereka yang sangat memerlukan. Dilihat dari umur 20 Tahun dikategorikan kepada belia diberi perhatian khas oleh pihak-pihak institusi wakaf bahawa mereka merupakan belia atau remaja yang baru tumbuh dan perlu perhatian dalam tumbesaran dan kelangsungan kehidupan mereka. Kisaran umur 21 tahun sampai dengan 50 tahun merupakan umur orang yang produktif sehingga bantuan pemanfaatan wakaf tanah produktif boleh diberikan kepada mereka dan mengembangkan harta wakaf tersebut. Gambaran penyebaran responden berdasarkan umur adalah sebagaimana dapat dilihat dalam jadual berikut:

**Jadual 1.2
Umur Responden**

	Frekuensi	Peratusan (%)
20 Tahun	3	2.2
21 Sampai 30 Tahun	39	28.9
31 Sampai 40 Tahun	24	17.8
41 Sampai 50 Tahun	26	19.3
50 Tahun ke atas	43	31.9
Total	100	100

Sumber: Soal selidik 2011

Secara kumulatif iaitu 65.9 % (peratusan) antara umur 21 sampai dengan 50 tahun. Jika diperhatikan dari status perkahwinannya 50% (peratusan) responden merupakan kelompok yang berkahwin dan hanya 3.7% (peratusan) yang mempunyai status Bercerai.

**Jadual 1.3
Status Perkahwinan**

	Frekuensi	Peratusan (%)
Bujang	31	23.0
Berkhawin	68	50.4
Duda/Balu	31	23.0
Bercerai	5	3.7
Total	135	100

Sumber: Soal selidik 2011

Untuk kelompok Bujang dan Duda/Balu mempunyai jumlah yang sama iaitu sebanyak 23.0% (peratusan) Dari sisi jumlah tanggungannya 32.6% (peratusan) responden mempunyai tanggungan sebanyak 1 (satu) orang dan 29.6% (peratusan) responden dengan tanggungan sebanyak 3 (tiga) orang. Dan hanya 3.0% (peratusan) atau 4 (empat) responden yang mempunyai jumlah tanggungan sebanyak 6 (enam) orang. Pengelompokan responden pada bujang sebanyak 23 % untuk pemberian pemanfaatan harta wakaf cukup ideal kerana bujang merupakan para pekerja penuh dengan semangat untuk mengembangkan harta wakaf tersebut. Samada dengan duda/balu untuk bekerja mereka perlu membiayai kehidupan mereka, berbeza dengan berkahwin ini kategori yang penuh semangat dan enerjik melakukan pekerjaan untuk pemberian harta dan pemanfaatan hasil wakaf tanah produktif sangat tepat di berikan kepada orang yang berkahwin kerana mereka akan mempunyai tanggungjawab dan harus menjalani kehidupan bersama ahli keluarga mereka.

Jadual 1.4
Tanggungan Responden

	Frekuensi	Peratusan (%)
1 Orang	44	32.6
2 Orang	17	12.6
3 Orang	40	29.9
4 Orang	20	14.8
5 Orang	10	7.4
6 Orang	4	3.0
Total	135	100.0

Sumber : soal selidik 2011

Responden yang berjumlah 135 orang tersebut sebanyak 39.3 % (peratusan) mempunyai kualifikasi pendidikan tertinggi Sekolah Rendah. Setelah itu latar belakang pendidikan Sarjana Muda memiliki jumlah terbesar kedua iaitu sebayak 29.6% (peratusan) Jumlah terkecil adalah responden yang memiliki kualifikasi pendidikan Sekolah Menengah Atas sebanyak 2.2% (peratusan).

Jadual 1.5
Pendidikan Responden

	Frekuensi	Peratusan (%)
Sekolah Rendah	50	39.3
Menengah Rendah	14	10.4
Menengah atas	3	2.2
Diploma	8	5.9
Ijazah Dasar	40	29.6
Sarjana	17	12.6
Total	135	100.0

Sumber: soal selidik 2011

Latar belakang pendidikan, ini merupakan indikasi awal bahawa responden berasal daripada tingkatan masyarakat yang mempunyai keterbatasan potensi dan kemampuan hidupnya disebabkan tingkat pendidikan mereka.

Pada dasarnya pemberian pemanfaatan hasil dari tanah wakaf produktif diberikan kepada orang-orang yang sangat memerlukan bantuan untuk melangsungkan segala bentuk aktiviti kehidupan mereka, dapat dilihat daripada hasil kajian ini kepada responden yang menerima bantuan tersebut baik kategori jantina,

umur, status perkahwinan, tanggungan responden dan pendidikan responden. Dari sini dapat dijadikan tolok ukur kajian yang dilakukan sehingga menjadi tepat pada sasaran yang dikehendaki. Keberkesanan timbul apabila pemanfaatan wakaf tanah produktif dapat diperolehi oleh masyarakat yang memerlukannya. Kerana itu penerimaan pemanfaatan hasil wakaf tanah produktif diberikan kepada golongan kurang mampu, yang mempunyai tanggungan dan orang-orang yang menuntut ilmu pengetahuan di Bandar Medan. Jadual ini menjelaskan bahawa pendapatan masyarakat Islam yang ada di Bandar Medan sebelum pemanfaatan tanah wakaf.



Abdul Latif Ibrahim salah seorang Orang kurang Upaya (OKU) dalam Temubual dengan penulis pada 20 Julai 2013

Dalam Temubual dengan Abdul Latif Ibrahim²³ Umur: 60 Tahun bermustatin: Jl. Amaliun Gang. Hasan Basri N0.12 telah menjelaskan kepada penulis bahawa bantuan kewangan wakaf tanah produktif yang ia terima telah memberikan tambahan perbelanjaan keluarga yang beliau perlukan sebagai biaya kehidupan sehari-hari. Beliau merupakan seorang

²³ Abdul Latif Ibrahim salah seorang Orang kurang Upaya (OKU) dalam Temubual dengan penulis pada 20 Julai 2013

kaki tangan kerajaan sebagai profesi cikgu yang telah pencen dengan rata-rata penghasilan beliau dari biaya pencen seorang cikgu sebesar Rp. 2,000,000/bulan dengan kitaran RM .600,000. Seterusnya beliau menjelaskan bahawa keperluan kehidupan di Bandar Medan sangat tinggi, dengan ketentuan Bapa Abdul Latif Ibrahim masih memiliki tanggungan dalam keluarga iaitu seorang istri dan 3 orang anak (2 orang perempuan dan 1 orang lelaki) dengan adanya bantuan sumbangan kewangan dari tanah wakaf produktif memberikan sebuah harapan baru dalam kehidupan saya dengan bantuan kewangan tersebut dapat mengurangi beban kehidupan keluarga saya, adapun bantuan kewangan yang ia terima sebesar Rp.600,000/ bulannya dengan kisaran RM.200,00.

Selari juga temubual dengan Siti Aminah²⁴ bermustatin: Jl. Utama Gg. Kyai Abu N0.19 A berumur: 58 Tahun seorang: Janda/ Balu. Ia merupakan seorang janda yang hidup bersendirian, sewaktu temubual dengan penulis Siti Aminah telah menjelaskan bahawa biaya kehidupan sehari-hari beliau menerima bantuan dari pemanfaatan tanah wakaf produktif di Bandar Medan. Adapun pembiayaan kewangan yang diterimanya hanyalah sebanyak Rp. 600,000 atau kisaran RM.200.00/ bulan. Penulis menanyakan lebih lanjut tentang kecukupan perbelanjaan sehari-hari apakah memadai atau mencukupi bantuan kewangan yang ia terima dari hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif. Ibu Siti Aminah menjelaskan kepada penulis bahawa dengan bantuan kewangan yang ia terima dari wakaf tersebut sangat meringankan beban kehidupannya sehari-hari.

²⁴ Siti Aminah (Seorang Janda/Balu) dalam temubual dengan penulis pada 21 Julai 2013

Jadual 1.6
Pendapatan bulanan

	Frekuensi	Peratusan(%)
s/d Rp.200,000	53	39.3
Rp.200,001-Rp.300,000	38	28.1
Rp.300,001-Rp.400,000	15	11.1
Rp.400,001-Rp.600,000	16	11.9
Rp.600,001-Rp.800.000	8	5.9
Diatas Rp.800,000	5	3.7
Total	135	100.0

Sumber: soal selidik 2011

Dari sisi pendapatan bulanan, sebahagian besar responden mempunyai pendapatan sehingga Rp. 200,000 RM.70.00 iaitu sebanyak 39.3%. Dan hanya 3.7% (peratusan) atau 5 responden yang mempunyai pendapatan di atas Rp. 800,000 RM 300.00. Para pedagang seperti Bapa Usman²⁵ melakukan jualannya di kaki lima (pinggiran jalan) dengan penghasilan kisaran dibawah Rp. 200,000 RM.70,00 perhari sebelum mendapat bantuan dari pemanfaatan tanah wakaf. Bantuan modal atau wang yang diberikan oleh pengurus harta wakaf untuk pembelian barang dagang Bapa Usman. Peningkatan penjualan bertambah dan berubah disebabkan kerana barang yang didagangkan berbagai macam bentuk dagangan jualan sehingga peminat-peminat pembeli makin bertambah. Seperti biasa Bapa Usman²⁶ Umur 53 Tahun menjual barang dagangannya sebesar Rp.200,000 atau kisaran RM 70.00, dengan bantuan dari hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif memberikan impak positif kepada Bapa Usman untuk dagangannya sebagaimana dilihat dari jadual dibawah ini:

Setelah mendapatkan pemanfaatan hasil wakaf, jelas hasil pendapatan responden berubah sebagaimana terlihat dalam jadual berikut:

²⁵ Borang soal selidik no siri 10

²⁶ Bapa Usman (Pedagang Kaki Lima diJalan Mongosidi Kecamatan Medan Kota) dalam Temubual dengan penulis, 15 April 2013

Jadual 1.7
Penghasilan selepas wakaf di laksanakan

	Frekuensi	Peratusan (%)
S/d Rp.500.000	67	49.6
Rp.500.001-Rp.600.000	34	25.2
Rp.600.000-Rp.700.000	9	6.7
Rp.700.001-Rp.900.000	12	8.9
Rp.900.001-Rp.1.000.000	10	7.4
Diatas Rp.1.000.000	3	2.2
Total	135	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Selari dengan pemanfaatan tanah wakaf produktif berupa masjid, sekolah dan tanah perkuburan. Untuk kategori masjid terlihat digambar di bawah ini iaitu Masjid Al-Jihad, masjid ini terletak di tengah –tengah kota dan persimpang jalan yang begitu ramai, masjid Al-Jihad terdiri dari 3 Aras aras pertama tempat perkantoran Baitul Mal WatTanyim (BMT) iaitu perkreditan syari'ah, kedai runcit dan Tandas yang berbayar yang mana setiap kali bayaran sebanyak Rp.1,000,- (seribu rupiah) atau 30 sen Malaysia, semua bentuk usaha yang ada dipersekutaran masjid mesti disewakan oleh pihak nazir kepada pengguna baik perkantoran mahupun kedai runcit dengan kisaran harga sewa sebesar Rp. 2,000,000/ pertahun atau (RM 650). Hasil dari penyewaan dihitung dan diberikan kepada Badan Kenazhiran Masjid (BKM) sementara pihak kenazhiran masjid memberikan upah para pekerja masjid atau penjaga masjid dengan biaya gaji atau upah kepada penjaga masjid yang telah disepakati oleh pihak Kenazhiran biaya pengeluaran kewangan masjid dan dibayar gaji/upah kepada penjaga masjid sebesar Rp. 1,000,000,- kisaran (RM.300) setiap bulan.

Ada juga pemanfaatan berupa penjualan air bersih untuk keperluan masyarakat persekitaran, bahawa air tersebut tanpa dimasak langsung di

minum. Pemanfaatan air bersih yang dikelola oleh Badan Kenazhiran Masjid penjualan air bersih dengan harga Rp.1,000 kisaran 30 sen sahaja / galon, penjualan seharian boleh menghasilkan wang sebanyak Rp. 400,000/ hari kisaran RM.135 sahaja dengan pembiayaan gaji pekerja Rp.50,000/ hari kisaran RM.35 sahaja/ hari itu yang disampaikan oleh Ismail sebagai pekerja dan selari juga dengan pendapat Bapa Sofian Efendi, S.Pd sebagai Sekretaris BKM Nurul Ikhlas Kecamatan Medan Kota. Daripada hasil penjualan air bersih yang dikelola oleh Badan Kemakmuran Masjid Al-Ikhlas secara berterusan dan memberi impak positif kepada masyarakat persekitaran masjid.



Gambar: Penjualan Air bersih hasil dari penjualan air tersebut untuk gaji upah pekerja penjualan air bersih.



Foto Pemanfaatan tanah wakaf produktif berupa tanaman padi yang sudah panen didepan Masjid Islah

Masjid Islah ini telah melakukan pemanfaatan tanah wakaf yang berada dilokasi persekitaran masjid. Untuk pengelolahan tanah wakaf terebut pihak kenazhiran masjid Islah memberikan kepada jama'ah masjid untuk mengelola tanah disewakan, sehingga hasil dari panen padi tersebut dibayar kepada badan kenazhiran, seterusnya Badan Kenazhiran Masjid Islah mempergunakan wang hasil penyewaan untuk keperluan masjid tersebut yang telah disampaikan oleh Bapa Sabri Bin Muhammad Darib.²⁷

Begini juga dengan dunia pendidikan iaitu sekolah yang merupakan tempat proses belajar mengajar murid-murid disekolah. Pada dasarnya bangunan sekolah dari wakaf masyarakat Islam diBandar Medan terletak daerah Sukaramai I bermustatin : Jalan Medan Area Selatan Gang Sekolah jumlah lokasi 1 tempat dengan luas tanah wakaf 300 M² nama pewakaf Arifin Marpaung digunakan sebagai Sekolah Madrasah Al-Jamiatul Al-

²⁷ Bapa Sabri Bin Muhammad Darib (Ketua Badan Kenazhiran Masjid Islah) dalam temubual dengan penulis pada 20 Julai 2013

washliyah tempat belajar mengajar dan juga digunakan sebagai lokasi Kantin atau Gerai Makanan untuk para murid-murid yang bersekolah di madrasah sehingga lokasi sekolah dapat dimanfaatkan secara produktif dan menghasilkan nilai ekonomi seumpama masyarakat dibolehkan menyewakan kantin dan berniaga di dalam madrasah tersebut. Selari juga apa yang telah disampaikan oleh Bapa Panigoran Siregar temubual pada 17 hb April 2011 diKantor Kementerian Agama Islam di Bandar Medan, beliau mengatakan bahawa kedudukan tanah wakaf di Bandar Medan begitu luas dan bersesuai dengan amalan wakaf dalam mensejahterakan umat.

kehidupan masyarakat apa lagi pada saat sekarang ini upah minimum buruh sangat rendah, dan pemanfatan wakaf bersesuai untuk membantu mereka.

Begitu juga tentang masalah tanah perkuburan yang berada di Daerah Pasar Merah Timur bermustatin: Jl Halat jumlah lokasi 1 tempat dengan luas 40.000 M² nama pewakaf H. Abd Aziz Usman digunakan sebagai tanah perkuburan umum bagi masyarakat Islam yang meninggal dunia, perkuburan di Bandar Medan apabila seseorang meninggal dunia akan diatur untuk pembentangan perkuburan yang harus dikeluarkan oleh ahli waris sebesar Rp. 500.000 (Lima ratus ribu rupiah) kisaran RM.167 sahaja segala bentuk biaya diperkuburan diberikan kepada pengurus perkuburan wakaf. Pihak-pihak pengurus menunjuk beberapa pekerja untuk penggalian kuburan, kebersihan kuburan dan mereka diberi upah/gaji yang bersesuai dengan mereka. Menurut penjelasan Amri sebagai penggali kuburan memberikan keterangan wawancara pada tarikh 20 Mei 2013 bahawa setiap penggalian kuburan di beri upah/gaji oleh ahli waris si mayyit sebesar

Rp.100,000 kisaran RM 35 sahaja, bahagian kebersihan dan bahagian pembuatan batu nisan pancang kuburan upah kerja yang mereka terima sebesar Rp. 600.000 / perbulan kisaran RM.200 untuk kebersihan dan upah kerja batu nisan pancang kuburan sebesar Rp. 800,000/ sekali kerja boleh lebih melihat dari keadaan orang yang ingin membuat batu nisan tersebut



Tanah Wakaf Perkuburan Islam Jalan Halat Medan

Setelah proses pemberian wakaf, pengagihan pendapatan responden berada di antara sampai dengan Rp 500.000 (RM. 250) iaitu sebesar 49.6% (peratusan) iaitu sebanyak 67 responden. Sedangkan responden yang jumlahnya paling sedikit adalah berada di atas Rp. 1.000,000 (RM.330) iaitu sebesar 2.2% (peratusan)

Berhubung dengan prospek, tanah-tanah wakaf yang terletak di kawasan bandar mempunyai potensi yang sama seperti lot-lot yang lain. Walau bagaimanapun ia banyak bergantung kepada kebijaksanaan Majelis Agama untuk memajukannya ketahap yang paling optimum. Namun begitu beberapa perkara perlu diteliti dan

diberi perhatian terlebih dahulu dan ini merupakan strategik pelaksanaan yang perlu difikirkan oleh pihak – pihak yang terlibat.²⁸

Pengelibatan pihak –pihak institusi memberikan suatu pemikiran positif terhadap pengelolaan tanah wakaf produktif sehingga keberkesanan bahawa wakaf tanah produktif dapat meningkatkan taraf hidup orang-orang yang layak untuk menerima wang dari pemanfaatan tanah wakaf produktif di Bandar Medan Sumatera Utara, dapat di ketahui apabila tahap ekonomi pendapatan responden mengalami perubahan dan meningkatnya pendapatan mereka yang lebih baik sebelum tanah wakaf di manfaatkan seperti yang terdapat di jadual tersebut.

Sebagai aset umat maka wakaf tanah produktif memiliki potensi dapat berkembang atau secara minimum harus ditumbuhkan. Oleh kerana itu wakaf harus diurusi oleh institusi yang dianggap memiliki profesionaliti dalam memajukan tanah wakaf sehingga menjadi produktif.²⁹

4.4 Sumbangan Wakaf Tanah Produktif di Tinjau dari Tahap Pendidikan Umat Islam Kota Medan

Wakaf dalam bidang pendidikan adalah pelaburan penting untuk melahirkan modal insani yang berkualiti seperti ulamak dan umarak yang berwibawa, Sejarah telah membuktikan bahawa amalan waqaf dibidang ini telah melahirkan institusi – institusi pengajian yang berkekalan serta melahirkan ribuan ulamak yang terkenal dan tersohor di seluruh dunia. Di antaranya Universiti Cordova Andalus, al-Azhar di Mesir, Madrasah Mizamiyah di Baghdad, Universiti Islam Indonesia, Pondok

²⁸ Megat Mohd Ghazali Megat Abd Rahman , dkk, “*Pembangunan Tanah Wakaf –Isu ,Prospek dan Strategi,*” dalam “ Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Wakaf Memartabatkan Kemerlangan Ummah” 12-14 September 2006), 1

²⁹ Drs. Achyar Zein, “*Mengelola Wakaf Produktif Antara Peluang dan Hambatan,* 2007), 7

Pesantren Darunnajah Indonesia, Madrasah Al-Junedi Singapura, Al-jamiah al-Islamiah di Madinah dan lain-lain.³⁰

Hasil wakaf adalah keuntungan kewangan daripada unit-unit perniagaan yang didirikan oleh Badan Wakaf. Sebahagian daripada hasil wakaf itu dan hasil wakaf lainnya dipakai untuk membiayai keperluan-keperluan ofis yang berhubungkait langsung dengan kegiatan wakaf seperti, gaji pekerja dan biaya lainnya. Program-program pengembangan akademik dan peningkatan sistem pendidikan, juga memanfaatkan dana-dana dari hasil wakaf. Pemanfaatan lain adalah peningkatan Sumber Daya Manusia (SDM), Pensyarah-pensyarah melalui institusi pengajian mereka untuk studi lanjutan di program Sarjana dan Phd di pelbagai perguruan tinggi baik di dalam negara maupun luar negara.³¹ Di Bandar Medan telah melakukan pemanfaatkan harta wakaf berupa pemberian bantuan pendidikan kepada para pelajar atau biasiswa untuk dipergunakan tambahan wang pembelajaran mereka. Sebagaimana terlihat dalam rajah di bawah ini:

Untuk sumber dana pendidikan yang diterima, umumnya berasal dari Hasil Pemanfaatan Wakaf Tanah Produktif iaitu sebanyak 45.2% (peratusan) sedangkan yang terendah adalah dari Orang Tua iaitu sebanyak 25.9% (peratusan). Pemberian bantuan tepat pada sasaran yang menerima seperti orang tua, sebagai orang tua boleh pentadbiran kewangan dalam rumah tangga sehingga dana bantuan pemanfaat wakaf akan menjadi produktif dan tepat guna, peranan orang tua lebih efektif dan tepat dalam pengelolaan kewangan keluarga. Hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif khas di Bandar Medan dilaksanakan pada bentuk dan nilai-nilai kewangan yang tinggi seumpama penyewa kedai runcit dan penyewa bilik.

³⁰ Ahmad Zaki Hj. Abd Latif dkk, “*Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia*,” dalam “(Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Wakaf Memartabatkan Kecemerlangan Ummah” Kuala Lumpur, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji 12-14 September 2006),1

³¹ *Ibid*

Untuk pendapatan sendiri dihubungkaitan dengan para mahasiswa-mahasiswi melakukan pekerjaan *part time* untuk menambah penghasilan mereka untuk membiayai wang kuliah dan kehidupan sehari-hari. Adapun pekerjaan yang dilakukan oleh para mahasiswa berupa pekerjaan-pekerjaan sebagai, cikgu, buruh lepas, parking di lebuhraya, penarik becak dan mengajar persendirian di rumah-rumah untuk mengajar mengaji anak-anak yang orang tuanya sibuk daripada semua pekerjaan yang dilakukan untuk menambah penghasilan mereka.

Jadual 1.8

	Frekuensi	Peratusan (%)
Orang Tua	35	25.9
Hasil Pemanfaatan wakaf tanah Produktif	61	45.2
Pendapatan Sendiri	39	28.9
Total	135	100.0

Sumber: soal selidik 2011

Selari dengan pendapat Bapa Panigoran Siregar: Bahawa pemberian beasiswa daripada dana wakaf dilakukan diBandar Medan, Bantuan dari Wakaf, pun kita lakukan pemberian wang sebesar Rp.50.000- Setiap murid-murid darjah menengah dan anak kurang mampu dipersekutaran Bandar Medan.³²

Menurut pendapat Kepala Sekolah Al-jamiatul Washliyah Jl.Ismailiyah No. 82/20 Drs. H. Muktar Amin, BA menjelaskan bahawa pendidikan Al-jamiatul Alwashliyah sejak berdirinya pada tahun 1934 telah memanfaatkan tanah wakaf yang digunakan sebagai bangunan sekolah dan dilakukan pembinaan kepada anak-anak yatim yang mereka asuh di dalam Yayasan Pendidikan Al-jamiatul Washliyah dan juga pemanfaatan lahan kosong untuk diusahakan tempat pembinaan anak yatim piatu dan pendidikan.

³² Bapa Panigoran Siregar beliau: Kepala Bidang Haji, Zakat, Infaq dan Wakaf Bandar Medan

Terlihat secara jelas keberkesanan pemanfaatan tanah wakaf produktif di Bandar Medan yang diperolehi para responden sebanyak 61 orang dengan 45.2 % (peratus) yang menerima hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif untuk pendidikan. Bahawa pendapatan para responden pelajar terdapat 28. 9 % (peratusan) adalah merupakan usaha sendiri. Namun demikian pendapatan tersebut di sokong oleh bantuan dari orang tua sebesar 25.9 % (peratusan) untuk pembiayaan pendidikan bagi para responden pelajar tersebut.

Jadual 1.9

Wakaf tanah produktif khas pendidikan jenis wakaf yang diterima

	Frekuensi	Peratusan(%)
Wang Tunai	52	38.5
Fasiliti Sekolah Gratis	41	31.1
Bea siswa berlanjut	42	30.4
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Pemanfaatan hasil wakaf tanah produktif diberikan dalam bentuk wang tunai kepada para penerima hasil tanah wakaf dan begitu bagi anak sekolah yang dapat penerimaan biasiswa dan fasiliti lainnya berupa baju-baju sekolah, bag sekolah, buku-buku yang berkaitan dengan buku pelajaran mereka diberikan kepada anak sekolah tersebut.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Bapa Panigoran Siregar menjelaskan bahawa untuk darjah, Sekolah Menengah Pertama telah dilakukan juga oleh Kerajaan berupa pendidikan gratis (percuma) dengan menggunakan Dana BOS (Bantuan Operasional Sekolah), Bantuan Dana BOS tersebut digunakan untuk pembiayaan dan bantuan wang sekolah sahaja dalam bentuk berjenjang, walaupun demikian tingkat sekolah agama peranan wakaf tanah produktif di Bandar Medan memberikan pendidikan gratis (percuma pada sekolah Agama sahaja) dan mereka yang menerima biasiswa berlanjut. Untuk biasiswa berlanjut diberikan kepada mereka

tingkat dewasa yang melakukan studi program, S1, S2 S3 (Sarjana Muda, Sarjana, dan Phd) bukan dalam bentuk wang tunai diberikan tetapi wangnya langsung di salurkan kepada institusi mereka atau tempat mereka melaksanakan studi program belajar tersebut.

Dilihat daripada jenis tanah wakaf produktif khas pendidikan, sebanyak 38.5% (peratusan) responden menerima dalam bentuk wang tunai, sedangkan Fasiliti Sekolah Percuma dan Biasiswa Berlanjut mempunyai jumlah yang hampir sama iaitu 31.1% (peratusan) dan 30.4% (peratusan). Dilihat dari statistik yang diperoleh, terdapat indikasi bahawa jumlah ketiga jenis tersebut adalah hampir sama dalam penerimaan bantuan wakaf tanah produktif tersebut.

Jumlah wang tunai yang diterima dari wakaf tanah produktif dan pendidikan oleh sebahagian besar responden adalah antara Rp200,000-Rp300,000 (RM 76.00-RM.110.00) iaitu sebanyak 44.4% (peratusan) dan daripda jadual dapat dilihat juga bahawa hanya 3 responden yang memperoleh jumlah wang tunai di atas Rp 800,000 (RM.300.00) atau hanya 2.2% (peratusan). Secara kumulatif pun, sebanyak 76.3% (peratusan) diantaranya memperoleh jumlah wang tunai di bawah Rp 400,000 (RM.150.00)

Jadual 1.10

Wakaf tanah produktif khas pendidikan jumlah wang yang diterima

	Frekuensi	Peratusan (%)
s/d Rp.200,000	21	15.6
Rp.200,001 - Rp.300,000	60	44.4
Rp.300,001 - Rp.400,000	22	16.3
Rp.400,001-Rp600,000	11	8.1
Rp.600,001-Rp.800,000	18	13.3
Diatas Rp.800,000	3	2.2
Total	135	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Penjelasan Bapa Panigoran Siregar: Pemberian Beasiswa di berikan kepada tingkat sekolah iaitu Sekolah Menengah, Sekolah Tingkat atas dan Mahasiswa, untuk tingkatan menengah, dan atas mereka memperolehi beasiswa berlanjut, untuk mahasiswa yang menerima beasiswa boleh dilihat dari nilai hasil IPK (Indeks Prestasi Kumulatif) mereka apa bila nilainya baik maka beasiswa boleh diperpanjang lagi.³³

Kes kajian kepada pelajar dan mahasiswa yang melanjutkan pendidikan pada tingkat atas, daripada hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif di Bandar Medan. Untuk para siswa atau mahasiswi diberikan kepada mereka berupa biasiswa pendidikan khasnya.

Selari dengan temubual dengan seorang mahasiswa yang bernama Khairial, Umur 25 Tahun bermustatin: Jl. Rahmadsyah Gang. Mawar N0.287.³⁴ Lebih lanjut lagi Khairial menjelaskan kepada penulis bahawa untuk mendapatkan bantuan dana wakaf terlebih dahulu harus memberikan laporan kemajuan mahasiswa kepada pihak-pihak institusi wakaf berupa nilai Indeks Prestasi Kunulatif (IPK) diatas rata minimal 3,00 ini merupakan nilai *standard* untuk mendapatkan dana wakaf produktif. Seterusnya Kharial memberikan penjelasan kepada penulis bahawa pembentukan pembelajaran pendidikan tingkat mahasiswa yang dilakukannya masa sekarang ini dengan menggunakan biaya dari pemanfaatan tanah wakaf yang dikelola diBandar Medan. Pemberian wang wakaf kepada penerima wakaf khasnya kepada mahasiswa diberikan secara bersambung dalam bentuk wang akan tetapi pemberian dana tersebut diberikan kepada institusi tempat mahasiswa belajar. Informasi ini disampaikan oleh Khairial.

³³ Bapa Panigoran Siregar (Kepala Bidang Haji, Zakat, Infaq dan Wakaf Bandar Medan) Temubual dengan penulis pada tarikh 17 April 2011

³⁴ Khairial (Mahasiswa) Dalam Temubual dengan penulis pada 21 Julai 2013



Foto Bersama Khairial (Mahasiswa) Dalam Temubual dengan penulis pada 21 Julai 2013

Selanjutnya jika dilihat dari penggunaan wang wakaf yang diperoleh 32.6% (peratusan) responden menggunakannya untuk membayar wang sekolah 25.9% (peratusan) untuk pembiayaan penyelidikan kertas projek dan 24.4% (peratusan) lainnya menggunakannya untuk membeli buku dan alat tulis dan pembiayaan kehidupan sehari-hari sebanyak 17.0 % (peratusan). Pembayaran wang sekolah diberikan kepada mereka tahap belajar yang dilakukan oleh pengetua wakaf kepada pihak-pihak sekolah dalam bentuk pembayaran wang sekolah secara langsung, pembiayaan wang penyelidikan kepada mahasiswa yang menyelesaikan tugas akhir baik tingkat diploma maupun tingkat pascasiswazah diberikan dalam bentuk biasiswa kepada mereka.

Jadual 1.11
Wakaf tanah produktif penggunaan pada pembiayaan pendidikan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Membayar wang sekolah	44	32.6
Pembiayaan penyelidikan tugas akhir	35	25.9
Membeli buku dan alat tulis	33	24.4
Biaya hidup sehari-hari	23	17.0
Total	135	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Berhubungan dengan penggunaan wang wakaf Bapa Panigoran Sireger: Biasiswa yang diberikan kepada anak sekolah dilihat dari golongan orang kurang mampu (miskin) pada asasnya bantuan diberikan secara kumulatif (di hitung dari awal masuk belajar sampai masa satu tahun). Di Indonesia masa belajar dimulai pada pertengahan julai tiap tahunnya sampai dengan akhir bulan mei. Pada asasnya semua bantuan diberikan kepada penerima dikhaskan untuk penyelesaian studi mereka.³⁵

Dijelaskan bahawa jumlah 17.0% (peratusan) responden menggunakan untuk pembiayaan hidup seharian. Untuk bentuk bantuan wakaf produktif pendidikan yang diberikan, responden menyatakan bahawa mereka menerima bantuan dalam bentuk wang langsung dan tak langsung yang bersesuai dengan keperluan mereka iaitu sebanyak 45.9% (peratusan). Sejumlah 17.0% (peratusan) responden menggunakan untuk sara hidup sehari-harian. Untuk bentuk bantuan wakaf produktif pendidikan yang diberikan, responden menyatakan bahawa mereka menerima dalam bentuk wang langsung dan tidak langsung iaitu sebanyak 45.9% (peratusan)

³⁵ Bapa Panigoran Siregar (Kepala Bidang Haji, Zakat, Infaq dan Wakaf Bandar Medan) dalam temubual dengan penulis pada tarikh 17 April 2011

Jadual 1.12
Wakaf tanah produktif dalam bentuk yang diberikan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Pemberian modal	35	25.9
Memberikan subsidi makanan pokok	38	28.1
Penerimaan wang secara langsung	62	45.9
Total	132	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Menurut Bapa Abdul Muis: umur 40 Tahun bermustatin: Jl. Utama Gang. Uncu No. 15 yang menerima bantuan dari pemanfaatan tanah wakaf produktif, mereka menerima bantuan berupa wang tunai ada juga bantuan dalam bentuk subsidi makanan sehari-hari, dan pemberian modal usaha.³⁶ Dengan bantuan kewangan untuk modal usaha memberikan Bapa Abdul Muis dapat berniaga dengan baik dari pemanfaatan tanah wakaf produktif.

Selain itu 28.1% (peratusan) responden menerima bantuan dalam bentuk subsidi makanan pokok dan 25.9% (peratusan) selebihnya menerima bantuan dalam bentuk modal usaha. Selanjutnya pemberian wakaf tersebut diterima sebahagian besar iaitu 51.1% (peratusan) menyatakan bahawa mereka hanya mendapatkan bantuan 1 (satu) kali. Dan hanya 14.8% (peratusan) yang menerima 3 (tiga) kali. Statistik lengkapnya adalah sebagaimana terlihat dalam jadual 1.13 dibawah: Penerimaan bantuan modal kepada para penerima bantuan wakaf diberikan secara berterusan sehingga membolehkan kepada para penerima boleh melanjutkan usaha mereka di keranakan para penerima mendapatkan tambahan modal usaha.

Jadual 1.13
Wakaf tanah produktif yang menerima untuk pendidikan dan jumlah yang diterima

	Frekuensi	Peratusan (%)
1 kali	69	51.1
2 kali	46	34.1
3 kali	20	14.8
Total	135	100.0

Sumber : Soal Selidik 2011

³⁶ Abdul Muis (beliau adalah memiliki kedai runcit), dalam temubual dengan penulis 18 April 2011

Jadual 1.13 diatas selanjutnya menunjukkan gambaran ungkapan responden mengenai fasiliti lainnya yang diterima sebagai wakaf. Sebanyak 37.0% (peratusan) responden menyatakan bentuk fasiliti lain yang diterima adalah sewa rumah. Jumlah paling sedikit adalah untuk fasiliti pendidikan, iaitu hanya 7.4% (peratusan). Dapat juga di fahami bahawa penerimaan wakaf dalam bentuk fasiliti berupa sewa rumah merupakan faktor yang paling dominan bagi para penerima wakaf. Disebabkan bahawa sewaan rumah persekitaran di Bandar Medan cukup tinggi sehingga pembiayaan para penerima wakif boleh membantu mereka dari sisi kewangan mereka sehingga sasaran dana wakaf, pengembangan dan pengelolaan tanah wakaf produktif tepat guna dan dapat di manfaatkan oleh para penerima wakaf dengan sebaik-baiknya seperti contoh sewa rumah, pemanfaatan tanah untuk berkebun dan membuka jawatan pekerjaan bagi para penerima wakaf.

**Jadual 1.14
Wakaf tanah produktif untuk pendidikan dan fasiliti lainnya**

	Frekuensi	Peratusan (%)
Sewa rumah	50	37.0
Pemanfaatan wakaf tanah produktif untuk berkebun	34	25.2
Memberikan lapangan pekerjaan	27	20.0
Pemberian wang tunai	14	10.4
Fasiliti pendidikan	10	7.4
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Dalam pelaksana selanjutnya 54.8% (peratusan) responden menyatakan bahawa fasiliti sekolah percuma diselenggarakan selama 1 sampai dengan 2 tahun. Responden yang menyatakan diatas 3 (tiga) tahun hanya 5.9% (peratusan). Jadual berikut memberikan statistik yang lebih baik.

Jadual 1.15

Wakaf tanah produktif untuk pendidikan dan masa fasiliti sekolah percuma

	Frekuensi	Peratusan (%)
1 Tahun	30	22.2
1 Sampai 2 Tahun	74	54.8
2 sampai 3 Tahun	23	17.0
3 Tahun	8	5.9
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Ketika dilakukan penyelarasan mengenai tingkat pendidikan pada saat menerima wakaf, umumnya responden menyatakan senarai berada di sekolah rendah iaitu sebanyak 42.2% (peratusan). Jumlah yang paling sedikit adalah ketika berada dalam tingkat pendidikan Diploma yang hanya sebesar 2.2% (peratusan). Pemberian pendidikan fasiliti percuma di berikan kepada peringkat sekolah rendah atau Sekolah Dasar (SD), ini merupakan pemberian percuma yang diberikan kepada tingkatan sekolah rendah yang menerima fasiliti dari pemanfaatan tanah wakaf produktif. Iaitu untuk tingkatan Sekolah Menengah Rendah atau Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) *istilah dalam Bahasa Indonesia.*

Jadual 1.16

Tingkat Pendidikan pada masa penerimaan dana wakaf produktif

	Frekuensi	Peratusan (%)
Sekolah rendah	57	42.2
Menengah Rendah	10	7.4
Menengah atas	6	4.4
Diploma	3	2.2
Ijazah Dasar	33	24.4
Ijazah Tinggi	26	19.3
Total	135	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Dilihat daripada jumlah pembiayaan pendidikan yang diterima, 28.1% (peratusan) responden menyatakan bahawa mereka menerima jumlah antara Rp.300,000 – Rp 400,000. Sementara itu, hanya 1.5% (peratusan) responden yang menyatakan menerima di atas Rp. 800,000 atau hanya sebanyak 2 (dua) orang responden. Penerimaan kewangan dari pemanfaatan

tanah wakaf produktif melihat daripada keperluan mereka dari tingkat pendidikannya, sehingga pengaturan pemberian tersebut bersesuai dengan amalan-amalan pemanfaatan wang umat secara procedural. Sehingga terjalin keselarasan antara pemberi dan penerima

Jadual 1.17

Wakaf tanah produktif bahagian pendidikan dan besar jumlah biaya pendidikan

	Frekuensi	Peratusan (%)
S/d Rp.200,000	12	8.9
Rp.200,001-Rp.300,000	36	26.7
Rp.300,001-Rp.400,000	38	28.1
Rp.400,001-Rp.600,000	21	15.6
Rp.600,001-Rp.800,000	25	19.3
Di atas Rp.800,000	2	1.5
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Secara keseluruhan dari 135 responden yang berpartisipasi dalam penyelidikan ini 48 responden menyatakan perasaan telah mencukupi antara 35.6% (peratusan). Dan 12.6% (peratusan) responden merasakan bahawa sumbangan tersebut sederhana sahaja. Keberkesanan terhadap penerima pendidikan pemberian mereka boleh terpenuhi untuk melanjutkan pelajaran kepada tingkatan lebih tinggi lagi. Fasiliti pendidikan diutamakan dalam pengelolaan dan pemberdayaan tanah wakaf produktif.

Jadual 1.18

Wakaf tanah Produktif dilihat dari Tingkat Kecukupan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Mencukupi	48	35.6
Kurang Mencukupi	35	25.9
Cukup	35	25.9
Sederhana sahaja	17	12.6
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Tabulasi-tabulasi berikutnya adalah hasil yang menunjukkan respon atau tanggapan yang diberikan oleh responden ketika diminta pendapatnya mengenai peringkat kepuasan yang diperoleh. Kecukupan ini dilihat daripada kepuasan responden tentang sumbangan wakaf untuk biaya pendidikan dari responden sangat memuaskan 42.96% (peratusan) untuk tingkat memuaskan sebanyak 39,26 % (peratus) daripada peringkat kurang memuaskan hanya 16.30 % (peratusan) bagi yang tidak memuaskan 0,74 % (peratusan) dan hanya 0,74 % (peratusan) memberi jawapan sangat tidak memuaskan.

**Jadual 1.19
Kepuasan atas Sumbangan Wakaf Produktif terhadap Biaya Sekolah**

	Frekuensi	Peratusan
Sangat Tidak Memuaskan	1	7
Tidak Memuaskan	1	7
Kurang Memuaskan	22	16.3
Memuaskan	53	39.3
Sangat Memuaskan	58	43.0
Total	135	100.0

Sumber: soal selidik 2011

Jadual diatas menjelaskan bahawa tingkat kecukupan penerimaan biaya sekolah terhadap responden 42.96 % (peratusan) memberi jawapan sangat memuaskan, sebanyak 39.26 % (peratusan) memberikan jawapan memuaskan, 16.30 % (peratusan) jawapan responden kurang memuaskan dan hanya 0.74 % (peratusan) responden memberikan jawapan tidak memuaskan dalam pembiayaan untuk sekolah.

Ketika dilakukan temubual dengan Bapa Drs.H.Abd Rahim.M.Hum beliau adalah Ketua Kementerian Agama Islam diBandar Medan pada memberikan jawapan tentang pemanfaatan tanah wakaf di Bandar Medan. Beliau menjelaskan bahawa tanah wakaf di Bandar Medan masih dilakukan pensijilan tanah wakaf yang berlokasi dikawasan Bandar Medan, Ada beberapa kawasan melakukan pemanfatan tanah

wakaf untuk dilaburkan dan usaha kedai runcit seperti Kedai runcit terletak di pusat Bandar Medan. Pemberdayaan tanah wakaf yang terbaru iaitu pembangunan Masjid, masjid tersebut dilengkapi tempat kedai runcit, ruangan pejabat untuk memudahkan bagi masyarakat persekitaran. Langkah awal bangunan tersebut dalam tahap 70 % (peratusan) baru di bangun yang terletak di jalan Binjai KM. 7. Dan kita harapakan semoga cepat selesai.³⁷

Keberkesanan para responden terlihat jelas bahawa pelaksanaan dan pemanfaatan tanah wakaf produktif memberikan sebuah harapan baru para penerima bantuan dana wakaf tersebut. Selanjutnya pemanfaatan wakaf tanah produktif di Bandar Medan menjadi sebuah solusi dalam membantu pihak kerajaan dalam mengurangi tingkat kemiskinan yang ada di Bandar Medan. Penggunaan soal selidik, wawancara, temu bual yang telah di lakukan dalam kajian ini boleh mewakili hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, didokung oleh kajian pustaka dan literature yang merangkumi kajian ini. Dari hasil kajian analisis data dilakukan, dalam kajian ini memberikan gambaran dan paparan awal terhadap pemanfaatan tanah wakaf produktif di Bandar Medan yang perlu di laksanakan di wilayah-wilayah Indonesia yang memiliki potensi tanah wakaf yang mendatangkan nilai ekonomis yang tinggi. Pengkaji berharap dengan kajian ini dapat pengkaji-pengkaji lain mengambil kira dalam kajian ini sehingga memberikan hasil optimum boleh dilakukan masa-masa mendatang.

³⁷ Bapa Drs. H. Abdul Rahim, M.Hum (Ketua Kementerian Agama Islam Bandar Medan) dalam Temu bual dengan penulis 20 April 2011

4.5 Sumbangan Wakaf Tanah Produktif, Pelaksanaan dan Keberkesanan Terhadap Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat

Upaya pembangunan kesihatan merupakan upaya semua pihak tanpa terkecuali baik pihak swasta maupun kerajaan. Untuk meningkatkan kondisi kesihatan dimasyarakat, peranan serta semua elemen dalam masyarakat baik secara formal maupun tidak formal sekarang ini merupakan satu syarat penting yang harus dijalankan oleh kerajaan dan masyarakat harus ada satu kerjasama yang saling menyokong dalam upaya mewujudkan masyarakat yang sihat. Dalam membangun satu jaringan kerja perkhidmatan kesihatan yang baik, satu negara harus memiliki kelengkapan yang mendukung. Baik fizikal maupun sumber daya manusia dalam hal ini merupakan satu keharusan. Pihak kerajaan sangat berperanan dalam membangunkan tingkat kesihatan penduduk.

Peran serta kerajaan dalam bidang kesihatan sekarang sangat diperlukan. Seperti yang dikukuh dalam Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 23 Tahun 1992 Tentang Kesihatan yang berbunyi:

BAB IV

TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB

Seksyen 6

Kerajaan bertugas mengatur, membina, dan mengawasi penyelenggaraan upaya kesihatan.

Seksyen 7

Kerajaan bertugas menyelenggarakan upaya kesihatan yang merata dan terjangkau oleh masyarakat.

Seksyen 8

Kerajaan bertugas menggerakkan peranan serta masyarakat dalam penyelenggaraan dan pembiayaan kesihatan, dengan memperhatikan fungsi sosial sehingga pelayanan kesihatan bagi masyarakat yang kurang mampu tetap terjamin.

Seksyen 9

Kerajaan bertanggung jawab untuk meningkatkan derajat kesihatan masyarakat.³⁸

Peran kerajaan dalam upaya peningkatan kesihatan masyarakat seperti pemeliharaan kesihatan, pentegahan penyakit, penyembuhan penyakit dan penambahbaikkan kesihatan yang dilaksanakan secara menyeluruh, tepat dan berkesinambungan ini sangat jelas tertulis dalam undang-undang berkenaan. Pengurusan kesihatan oleh pihak kerajaan tingkat pusat diIndonesia adalah Kementerian Kesihatan beserta stafnya, Sedangkan ditingkat daerah tingkat I dan II pengurusan kesihatan dilaksanakan oleh pemerintah ditingkat Propinsi dan Kabupaten/Kota. Manakala daerah tingkat II Bandar Medan, pengurusan kesihatan diistiharkan oleh Kerajaan Daerah (Pemda) tingkat II yaitu oleh Walikota Madya tingkat II Medan. Demikian secara struktural Walikota satu jabatan kaki tangan yang khusus mengurus kesihatan diBandar Medan yaitu Dinas Kesihatan (Kementerian Kesihatan) Kotamadya Daerah Tingkat II Medan. Selanjutnya Dinas Kesihatan Kotamadya dibagi atas beberapa cawangan

³⁸ Undang- undang Nombor 23 Tahun 1992 tentang Kesihatan, dikemaskini 15 Jun 2013, www.affaveti.org/wp-content/uploads/2010/09/uu23_1992_ind.pdf

iaitu Unit Perkhidmatan Terpadu dan Cawangan Bahagian Tata Usaha, yang juga bahagian – bahagian lain.³⁹

Keberkesanan hasil daripada pemanfaatan wakaf tanah produktif terhadap kesihatan sangat memberangsangkan kepada penerima wakaf yang berhubungkait dengan kesihatan sebanyak 45.9 % (peratusan) responden yang ditanya menyatakan bahawa mereka pernah menerimanya perkhidmatan kesihatan. Bahkan untuk 18.5% (peratusan) responden lainnya menyatakan bahawa menerima perkhidmatan kesihatan secara rutin. Dan hanya 14.8% (peratusan) responden yang menyatakan tidak pernah menerima perkhidmatan kesihatan. Untuk penerimaan wakaf tanah produktif bagi kesihatan dikategorikan kepada yang menerima hasil tersebut iaitu: Orang kurang upaya, fakir miskin, anak yatim, pelajar-pelajar, mahasiswa. Memang semua orang boleh sakit, tetapi sakit sering dijangkiti pada usia senja. Jadi segala bentuk perubatan dihospital bagi masyarakat kurang upaya, fakir miskin, anak yatim, pelajar-pelajar, mahasiswa telah dilakukan kerjasama oleh pihak institusi wakaf kepada pihak hospital.

Jadual 1.20

Wakaf Tanah Produktif untuk Kesihatan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Pernah	62	45.9
Jarang/Sekali-kali	28	20.7
Tidak Pernah	20	14.8
Rutin/selalu	25	18.5
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

³⁹ Ibid

Namun, daripada sisi jumlah yang diperolehi untuk pembiayaan perubatan, umumnya hanya menerima dibawah Rp 50,000, Atau kitaran (RM.15) Berdasarkan jadual yang diperolehi, bahkan hanya 2.2% sahaja yang menerima jumlah pembiayaan perubatan diantara Rp. 600,000 (RM.200) hingga Rp.800,000.(RM.300). Kos yang harus dibayar oleh pihak institusi wakaf kepada pihak hospital, bukan penerimaan wang secara tunai diberikan kepada penerima hasil pemanfaatan tanah wakaf produktif, tetapi dalam bentuk perkhidmatan kesihatan. Pemanfaatan tanah wakaf produktif terletak kepada pembangunan tanah wakaf dalam bentuk pembangunan ruko, pembangunan kedai runcit yang boleh disewakan kepada pihak-pihak pengusaha, hasil dari penyewaan boleh dimanfaatkan oleh pihak atau Nazhir. Hasil tersebut dikelola dan dimanfaatkan kepada bidang sosial masyarakat Islam di Bandar Medan. Ada beberapa responden sekitar 20 orang yang tidak mendapatkan perubatan secara berterusan dalam hal ini perubatan secara percuma dilihat dari penyakit yang dideritai oleh pesakit. Maka dilihat kes yang dihadapi oleh orang sakit sama ada teruk ahupun tidak. Hal demikian pembiayaan lain mereka menerima atau bantuan lainnya berupa kepada anak-anak mereka yang bersekolah. Dalam jadual 1.21 ini menjelaskan bahawa penerimaan biaya perubatan dikategori sebesar Rp.50,000 sampai dengan Rp.800,000 tidak dibayar langsung kepada mereka tetapi diberikan kepada tempat mereka berubat. Dalam senarai jadual ini dibuat untuk pendekatan pemahaman bahawa jika jumlah sebesar itu yang mereka terima untuk pembiayaan perubatan mereka.

Jadual 1.21
Wakaf tanah produktif untuk kesihatan dan biaya pengubatan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Orang Tua	21	15.6
Lembaga Wakaf Tanah Produktif	79	58.5
Biaya Sendiri	35	25.9
Total	135	100.0

Sumber : soal selidik 2011

Dilihat daripada jenis sumbangan yang diterimanya sebahagian besar merupakan perkhidmatan kesihatan sebanyak 45.9% (peratusan) wang tunai 25.2% (peratusan) dan perubatan alternatif sebanyak 13.3% (peratusan) Bahkan 15. 6% (peratusan) responden lainnya menyatakan bahawa mereka mendapatkan ketiga jenis sumbangan tersebut. Para penerima perkhidmatan kesihatan diberikan kepada para orang kurang upaya seperti Ibu Siti Aminah bermustatin Jl. Utama Gg. Kyai Abu N0.19 A umur 58 Tahun status Janda/ Balu, Ibu Siti Aminah⁴⁰ menerima bantuan berupa perkhidmatan kesihatan ditanggung oleh lembaga pemanfatan wakaf produktif pembiayaan, Ibu Siti Aminah menjelaskan kepada penulis bahawa beliau merasa terbantu dengan adanya progam lembaga pemanfaatan tanah wakaf terhadap dirinya sehingga Ibu Siti Aminah merasa dapat mengurangi biaya kehidupan beliau bantuan beliau terima bukan bentuk wang tunai tetapi pembiayaan dibayar langsung oleh pihak lembaga pemanfaatan wakaf kepada pihak hospital.

Kalau diberikan dalam bentuk wang sebagaimana terdapat dalam bentuk jadual dibawah ini

Jadual 1.22
Wakaf Tanah Produktif untuk Kesihatan dan Jenis Sumbangan yang di terima

	Frekuensi	Peratusan (%)
Wang Tunai	34	25.2
Perkhidmatan Kesihatan	62	45.9
Perubatan Alternatif	18	13.3
Ketiga-ketiga	21	15.6
Total	135	15.6

Sumber: Soal Selidik 2011

⁴⁰ Siti Aminah (BalulJanda) dalam temubual dengan penulis pada 20 Julai 2013

Dilihat daripada jumlah wang yang diterimanya, sebahagian besar menerima wang antara sebanyak Rp 300,000 RM.150.00 hingga Rp 400,000 / RM.200.00 iaitu sebanyak 33.3%. (peratusan) Jumlah responden yang paling sedikit, sebanyak 30%, (peratusan) menerima jumlah wang di atas Rp 800,000 RM.300.00

Jadual 1.23

Wakaf Tanah Produktif untuk Kesihatan dan Jumlah Dana yang di terima

	Frekuensi	Peratusan (%)
S/d Rp.200.000	20	14.8
Rp.200,001- Rp.300,000	31	23.0
Rp.300,001-Rp.400,000	45	33.3
Rp.500,001- Rp. 600,000	21	15.8
Rp.600,001- Rp.800,000	14	10.4
Diatas Rp.800,000	4	3.0
Total	135	100.0

Sumber: soal selidik 2011

Selanjutnya 43.0% (peratusan) responden menyatakan bahawa mereka menerima jumlah perubatan percuma sebanyak 2 (dua) kali. Yang lainnya, 32.6% (peratusan) menerima 3 (tiga) kali dan 24.4% (peratusan) menerima sebanyak 1 (satu) kali.

Jadual 1.24

Wakaf Tanah Produktif untuk kesihatan dan jumlah pengubatan gratis yang diperolehi

	Frekuensi	Peratusan (%)
1 Kali	33	24.4
2 Kali	58	43.0
3 Kali	44	32.6
Total	135	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Jika dipertimbangkan daripada peringkat kecukupan sumbangan, 67.4% (peratusan) responden menyatakan bahwa sumbangan tersebut telah mencukupi. Dan, hanya 4.4% (peratusan) yang menyatakan tidak mencukupi.

Jadual 1.25
Wakaf tanah produktif untuk kesihatan dan kecukupan sumbangan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Mencukupi	91	67.4
Sederhana sahaja	34	28.1
Tidak mencukupi	6	4.4
Total	135	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Dalam penyelidikan lebih lanjut mengenai wakaf tanah produktif dalam kategori kesihatan, umumnya responden menyatakan bahawa sumbangan yang telah diberikan tersebut adalah sangat memuaskan. Bahkan untuk pernyataan yang berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan respon telah menyatakan sangat memuaskan mencapai 65.2% (peratusan). Dan respon tidak memuaskan dan kurang memuaskannya hanya dibawah 5% (peratusan).

Jadual 1.26
Wakaf tanah produktif dari segi pendapatan atas sumbangan dan untuk kesihatan untuk perubatan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak memuaskan	2	1.5
Kurang memuaskan	4	3.0
Memuaskan	52	38.5
Sangat memuaskan	77	57.0
Total	135	100.0

Sumber: soal selidikl 2011

Dilihat dari kepuasan masyarakat dalam jadual 1.26 dan 1.27 dan kecukupan menerima bantuan wakaf untuk kesihatan dari sisi perubatan telah terlihat sangat memuaskan 57.04 % (peratusan) menyatakan kepuasan mereka terhadap perkhidmatan kesihatan. Dan 38.52% (peratusan) memuaskan 2.92 % (peratusan) kurang memuaskan dan hanya sahaja 1.48% (peratusan) menyatakan tidak memuaskan.

Jadual 1.27
Sumbangan wakaf tanah produktif untuk kesihatan dan fasiliti perubatan hospital kerajaan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak memuaskan	2	1.5
Kurang memuaskan	6	4.4
Memuaskan	66	48.9
Sangat memuaskan	61	45.2
Total	135	1.00.0

Sumber: Soal selidik 2011

Untuk masalah kesihatan khususnya Sumatera Utara telah dilakukan beberapa program untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat iaitu program, Kaminan Kesihatan Masyarakat (JAMKESMAS) Jaminan Persalinan (JAMPERSAL) dan Jaminan Kesihatan Daerah (JAMKESDA) keseluruhan jaminan kesihatan dibiayai oleh kerajaan untuk masyarakat yang berada di Provinsi Sumatera Utara atau diBandar-bandar kecil. Hal yang demikian belum boleh sepenuhnya perkhidmatan kesihatan yang dilaksanakan oleh propinsi Sumatera Utara semua dilaksanakan secara berterusan.

Jadual 1.28
Pendapat atas sumbangan wakaf tanah untuk kesihatan dan fasiliti perubatan Swasta Islam

	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak Memuaskan	1	7
Kurang memuaskan	6	4.4
Memuaskan	55	40.7
Sangat Memuaskan	73	54.1
Total	135	100.0

Sumber: Soal selidik 2011

Sumbangan wakaf tanah produktif bekerjasama dengan hospital Islam untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat miskin diperkotakan dan dapat dilihat pada jadual 1.29 jelas bahawa tingkat fasiliti hospital Islam sebanyak 54.07% (peratus) sangat memuaskan, 40.74% (peratusan) memuaskan, 4.44 %

(peratusan) kurang memuaskan dan hanya sahaja 0,74% (peratusan) tidak memuaskan.



Rumah Sakit/ Hospital Al Ummah diJalan Utama di Bandar Medan

Dilihat dari responden yang memberikan penilaian terhadap fasiliti kesihatan dihospital swasta Islam seperti Jadual 1.29 di atas sangat memberangsangkan bagi masyarakat miskin yang berubat. Hal ini jelas bahawa hospital Islam telah memberikan perkhidmatan kepada pesakit dengan baik.

Jadual 1.29
Pendapatan atas sumbangan wakaf tanah untuk
kesihatan bagi perubatan tradisional

	Frekuensi	Peratusan (%)
Kurang Memuaskan	5	3.7
Memuaskan	66	48.9
Sangat Memuaskan	64	47.4
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Namun demikian bahawa perkhidmatan bukan hanya diberikan kepada masyarakat miskin di Bandar Medan berupa fasiliti perkhidmatan kesihatan sahaja tetapi perubatan tradisional juga merupakan sumbangan yang diberikan kepada masyarakat Islam. Terlihat daripada jawapan responden dalam Jadual 1.30 di atas menyatakan 47.41% (peratusan) menyatakan sangat memuaskan 48.89%

(peratusan) memberikan respon memuaskan hanya sebanyak 3.70 % (peratusan) memberikan asumsi yang kurang memuaskan.

Jadual 1.30

Pendapat atas sumbangan wakaf untuk kesihatan dan pemberian Perkhidmatan Kesihatan

	Frekuensi	Peratusan (%)
Kurang Memuaskan	5	3.7
Memuaskan	42	31.1
Sangat memuaskan	88	65.2
Total	135	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Dalam memberikan perkhidmatan kesihatan masyarakat, responden telah memberikan penilaian terhadap pemanfaatan wakaf produktif iaitu: 65.19 % (peratusan) menyatakan sangat memuaskan, 31.11 % (peratusan) responden menyatakan memuaskan dan hanya 3.70 % (peratusan) responden menyatakan kurang memuaskan. Lebih-lebih lagi dimasa reformasi (*perubahan*) seperti sekarang ini, institusi-institusi kewangan syari'ah khususnya perbankan syari'ah muncul di setiap pelusuk nusantara. Tentu hal demikian, timbulnya institusi-institusi tersebut atas sokongan penuh dari polisi-polisi badan kewangan negeri ini. Sokongan politik kerajaan dan keinginan yang kuat masyarakat muslim terhadap penerapan sistem kewangan berdasarkan Syari'ah Islam membuka peluang yang seluas-luasnya terhadap seluruh masyarakat Islam untuk mengembangkan usaha mereka.

Potensi besar yang dimiliki oleh wakaf sebagai salah satu *variabel* penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat banyak disokong oleh kerajaan

dengan beberapa peraturan perundang-undangan agar wakaf dapat berfungsi secara lebih produktif.⁴¹

Daripada hasil pemanfaatan *Sumbangan Wakaf Tanah Produktif Terhadap Peningkatan Sosioekonomi Masyarakat Islam di Medan, Sumatera Utara* telah memberikan impak positif kepada masyarakat Bandar Medan, ini terlihat dari penerimaan masyarakat miskin terhadap hasil daripada manfaat harta wakaf yang telah diurus, sehingga memberikan nilai tambah kepada masyarakat berupa penghasilan seharian untuk sara hidup mereka, dan juga meningkatkan pendapatan mereka lebih baik sebelum pemanfaatan harta wakaf, dan meraih tingkat pendidikan yang lebih maju, eksis, kreatif dan inovatif bagi para pelajar dan juga tingkat kesihatan masyarakat lebih baik sehingga terciptanya kesihatan bagi masyarakat baik secara fizikal maupun rohani. Esensi wakaf ini memberikan peluang dan manfaat yang luar biasa bagi masyarakat Islam bahawa wakaf produktif merupakan salahsatu usaha untuk meringankan beban kehidupan masyarakat Islam di Bandar Medan Sumatera Utara dari sisi aktiviti kehidupan mereka berupa keperluan sehari, pendidikan dan kesihatan.

4.6 Kesimpulan

Dari rangkaian huraihan diatas dapat diambil sebuah kesimpulan tentang pelaksanaan dan pemanfaatan tanah wakaf produktif di Bandar Medan iaitu: Tanah wakaf yang berada di Bandar Medan memiliki nilai harga yang tinggi, pengurusan tanah wakaf yang berterusan secara profesional memberikan impak positif terhadap masyarakat Islam di Bandar Medan terhadap kehidupan mereka kerana hasil dari tanah wakaf tersebut dapat dimanfaatkan oleh masyarakat miskin.

⁴¹ Ibid

Kementerian Agama Bandar Medan telah fokus untuk memanfaatkan tanah wakaf yang terbiar sebagai wujud usaha untuk dimanfaatkan. Usaha Kementerian Agama Bandar Medan merupakan langkah-langkah yang positif senantiasa ditunggu dan disokong oleh umat Islam di Bandar Medan. Kajian ini dilakukan untuk memberikan sumbangan pemikiran kepada pihak-pihak yang berkenaan dengan institusi wakaf, pengurus wakaf, nazir wakaf yang harus lebih bekerja keras lagi untuk memanfaatkan harta umat yang selama ini tidak pernah diusahakan seperti tanah wakaf.

Pemanfaatan tanah wakaf diBandar Medan sebagaimana mestinya diusaha dan diurus oleh orang –orang yang jujur dan bertanggung jawab yang bersesuai dengan sifat-sifat Rasullah SAW yang menjadi *key success factors* dalam mengelola suatu perniagaan, agar mendapat celupan nilai moral tinggi iaitu:

1. Siddiq (benar dan jujur)
2. Amanah
3. Fatanah (cerdas)
4. Tabligh (Komunikatif).⁴²

Dalam kajian ini memberikan penilai positif bahawa umat Islam khususnya di Bandar Medan tidak akan pernah merasakan sakit, lapar, bodoh dan miskin apabila pemanfaatan harta wakaf dilakukan oleh pihak nazir secara telus untuk umat Islam sehingga dapat melakukan cara sifat Rasulullah SAW sehingga memberikan penilaian dan tanggapan positif terhadap pemanfaatan harta wakaf umat Islam di Bandar Medan.

⁴² Herman Kartajaya, Muhammad Syakir Sula, *Syariah Marketing*, (Jakarta: Penerbit Mizan, 2008), 4:120